

5. Dividen Tahunan KWSP Atas Amaun Yang Dilaburkan

- Ahli tidak akan memperolehi sebarang dividen yang diisytiharkan oleh KWSP ke atas amaun yang dilaburkan.

6. Pelepasan Kawalan Ke Atas Pelaburan

KWSP akan melepaskan kawalan ke atas pelaburan ahli di bawah Skim Pelaburan Ahli apabila ahli:

- Mencapai umur 55 tahun; atau
- Mengeluarkan kesemua simpanan ahli di bawah:

- Pengeluaran Meninggalkan Negara.
- Pengeluaran Hilang Upaya.
- Pengeluaran Pekerja Berpencen.
- Pengeluaran Kematian.

7. Status Pelantikan IPD Ditamatkan Di Bawah Skim Pelaburan Ahli

Ahli berumur bawah 55 tahun

- IPD perlu menjual semua pelaburan dan mengembalikan hasil jualan kepada KWSP.
- Hasil jualan pelaburan yang dikembalikan akan dikreditkan semula ke Akaun 1.
- Hasil jualan pelaburan tidak boleh dikreditkan ke akaun bank ahli/ diberi secara tunai kepada ahli.

Ahli berumur 55 tahun dan ke atas atau ahli/ waris ahli membuat pengeluaran kesemua simpanan

- Sebarang urusan pelaburan adalah di antara ahli/ waris ahli dan IPD.

8. Caj Perkhidmatan

- Tiada caj perkhidmatan dikenakan oleh KWSP ke atas ahli.
- Ahli adalah diingatkan bahawa terdapat caj yang dikenakan oleh IPD/ IUTA kepada ahli yang melabur.

9. Penamaan

- Amaun yang dipindahkan kepada IPD tidak tertakluk kepada penamaan yang dibuat oleh ahli di KWSP.

10. Pelaburan Tunai

- Penambahan pelaburan menggunakan wang sendiri TIDAK DIBENARKAN melalui Skim Pelaburan Ahli.
- Ahli hendaklah membuat transaksi secara langsung dengan IPD/ IUTA.

11. Pemegang Akaun Simpanan Syariah

- Hanya dibenarkan untuk membuat pelaburan ke Unit Amanah dalam produk patuh syariah yang disenaraikan oleh KWSP berkuatkuasa pada 1 Januari 2017.

Amaun Kelayakan Pelaburan

Ahli berumur bawah 55 tahun

Ahli boleh memindahkan simpanan untuk melabur seperti berikut:-

- Sehingga maksimum 30% daripada jumlah lebihan Simpanan Asas dalam Akaun 1.
- Amaun minimum pelaburan adalah RM1,000.00.
Formula pengiraan:
(Akaun 1 – Simpanan Asas) x 30%.

Ahli berumur 55 tahun dan ke atas

- Ahli boleh memilih untuk melabur sebahagian simpanan di bawah Pengeluaran Umur 55/ 60 Tahun (Pelaburan).
- Pelaburan ini tidak terikat dengan syarat-syarat Skim Pelaburan Ahli.
- Permohonan pengeluaran hanya boleh dibuat dalam talian melalui i-Akaun (Ahli).

Nota: Sila Rujuk Risalah Pengeluaran Umur 55/ 60 Tahun

* Ahli dinasihatkan menyemak baki simpanan Akaun 1/ Akaun 55/ Akaun Emas dan amaun kelayakan pelaburan terlebih dahulu melalui i-Akaun (Ahli) sebelum membuat pelaburan.

Kaedah Bayaran

KWSP akan memindahkan amaun pelaburan yang dimohon daripada simpanan ahli secara terus kepada IPD berkenaan.

Dokumen Diperlukan

1. Borang Permohonan KWSP 9N (AHL)

Borang KWSP 9N (AHL) boleh diperolehi daripada IPD yang dipilih oleh ahli untuk tujuan pelaburan.

2. Kad Pengenalan Diri

- MyKad/ Kad Pengenalan Tentera/ Kad Pengenalan Pemastautin Tetap (MyPR); atau
- Kad Pengenalan Polis dan Surat Pengesahan Majikan menyatakan No. Polis dan No. Kad Pengenalan Diri merujuk kepada orang yang sama (jika tidak memiliki MyKad)

Perhatian Dan Makluman Kepada Pemohon

- Maklumat peribadi ahli termasuk Penyata KWSP tidak boleh dikongsi dengan pihak ketiga tanpa kebenaran ahli.
- Ahli dinasihatkan untuk menyemak semua caj dan kos yang terlibat sebelum membuat pelaburan.
- Ahli perlu memahami risiko dan prestasi dana sebelum membuat pelaburan.
- Ahli perlu memahami kesanggupan dan kemampuan untuk menanggung risiko pelaburan yang dibuat.

Nota: Sila rujuk Soalan Lazim berkaitan Pelaburan di Laman Web KWSP

Penghantaran Permohonan

1. Melalui i-Akaun (Ahli)

- Permohonan secara dalam talian melalui i-Akaun Ahli.

2. Melalui Borang Permohonan IPD/ IUTA

- Permohonan dihantar melalui IPD/ IUTA yang dipilih dengan mengemukakan dokumen-dokumen yang telah ditetapkan.
- IPD mengemukakan permohonan ahli kepada KWSP untuk diproses.

Pembatalan Permohonan

Permohonan yang telah dihantar kepada KWSP melalui IPD/ IUTA atau secara dalam talian melalui i-Akaun (Ahli) tidak boleh dibatalkan.

Urusan Dengan IPD/ IUTA

Jika ahli mempunyai pertanyaan berkaitan pelaburan dan dana pelaburan:

- Ahli boleh menghubungi pusat panggilan IPD/ IUTA yang berkaitan.

Nota Amaran

Sekiranya pemohon memberi kenyataan yang tidak betul atau tidak benar atau mengemukakan dokumen palsu, pemohon dianggap telah melakukan kesalahan dan sekiranya disabitkan pemohon boleh dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau didenda tidak melebihi RM10,000 atau kedua-duanya [Seksyen 59, Akta KWSP 1991]

Maklumat Terkini Mengenai Skim Pelaburan Ahli Boleh Didapati Di Laman Web Rasmi KWSP

Skim Pelaburan Ahli

Untuk maklumat lanjut, sila layari
www.kwsp.gov.my

atau hubungi Pusat Pengurusan Perhubungan
03-89226000



Skim Pelaburan Ahli (SPA) adalah inisiatif oleh KWSP yang menawarkan pilihan pelaburan kepada ahli untuk meningkatkan simpanan persaraan mereka.

Pelaburan dibuat dengan Institusi Pengurusan Dana (IPD) yang dilantik oleh KWSP.

Institusi Pengurusan Dana (IPD)

IPD yang dilantik adalah terdiri daripada:

1. Syarikat Pengurusan Unit Amanah
 - Syarikat yang menguruskan pelaburan ahli dalam dana unit amanah; dan
2. Syarikat Pengurusan Kumpulan Wang
 - Syarikat yang menguruskan pelaburan ahli mengikut mandat persendirian.

Penasihat Institusi Unit Amanah (Institutional Unit Trust Adviser – IUTA)

IUTA adalah syarikat/ agensi termasuk bank yang dibenarkan untuk memasarkan unit dana amanah daripada pelbagai IPD.

Nota: Sila rujuk i-Akaun (Ahli) untuk senarai IPD/ IUTA yang terlibat.

Simpanan Asas

1. Jumlah simpanan dalam Akaun 1 yang ditetapkan mengikut umur bagi membolehkan ahli memperolehi simpanan minimum sekurang-kurangnya RM240,000.00 ketika berumur 55 tahun;
2. Simpanan ini tidak boleh dikeluarkan sebelum ahli mencapai umur 55 tahun;

3. Membolehkan ahli mempunyai sekurang-kurangnya RM1,000.00 sebulan selama 20 tahun untuk membiayai keperluan asas persaraan.

JADUAL SIMPANAN ASAS			
Umur	Simpanan Asas (RM)	Umur	Simpanan Asas (RM)
18	2,000	37	68,000
19	4,000	38	74,000
20	6,000	39	80,000
21	8,000	40	86,000
22	10,000	41	93,000
23	13,000	42	101,000
24	15,000	43	108,000
25	18,000	44	116,000
26	21,000	45	125,000
27	24,000	46	134,000
28	27,000	47	144,000
29	31,000	48	154,000
30	35,000	49	164,000
31	39,000	50	175,000
32	43,000	51	187,000
33	47,000	52	199,000
34	52,000	53	212,000
35	57,000	54	226,000
36	62,000	55	240,000

Kelayakan Memohon

1. Warganegara Malaysia; atau
2. Bukan warganegara Malaysia yang telah menjadi ahli sebelum 1 Ogos 1998; atau
3. Telah mendapat taraf Penduduk Tetap (PR); dan
4. Ahli belum mencapai umur 55 tahun pada tarikh permohonan diterima oleh KWSP.

Maklumat Skim Pelaburan Ahli

1. Saluran Permohonan Pelaburan

- Permohonan pelaburan boleh dibuat sama ada melalui IPD yang dilantik atau IUTA yang terlibat.
- Permohonan pelaburan boleh dibuat secara manual melalui ejen atau dalam talian melalui i-Akaun (Ahli).

2. Kekerapan Pelaburan

Selagi ahli mempunyai amaun kelayakan pelaburan:

- Permohonan pelaburan boleh dibuat pada bila-bila masa dalam pelbagai dana unit amanah/ pelbagai IPD yang dilantik oleh KWSP.
- Amaun kelayakan pelaburan akan dikemaskini setiap 3 bulan.

3. Tanggungan Risiko Pelaburan

- Ahli bertanggungjawab sepenuhnya ke atas pelaburan yang dibuat.
- KWSP tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian.

4. Pengembalian Wang Pelaburan Kepada KWSP

Ahli berumur bawah 55 tahun

- IPD akan mengembalikan semua hasil jualan pelaburan kepada KWSP apabila pelaburan tersebut dijual.

- Hasil jualan pelaburan yang dikembalikan akan dikreditkan semula ke Akaun 1.
- Hasil jualan pelaburan tidak boleh dikreditkan ke akaun bank ahli/ diberi secara tunai kepada ahli.

Ahli berumur 55 tahun dan ke atas atau ahli/ waris ahli membuat pengeluaran kesemua simpanan

- KWSP akan melepaskan kawalan terhadap pelaburan di IPD apabila ahli mencapai umur 55 tahun atau ahli/waris ahli membuat pengeluaran kesemua simpanan.
- Sebarang urusan pelaburan adalah di antara ahli/waris ahli dan IPD.
- Hasil jualan pelaburan ahli tidak akan dikembalikan semula kepada KWSP apabila pelaburan tersebut dijual.
- Bayaran kepada waris ahli akan dibuat oleh IPD mengikut undang-undang yang berkaitan.

